

CEGAH LUMBA HARAM CEGAH KEMALANGAN

Liputan media, gelaran 'pelesit kota' tidak insafkan sesetengah pihak sebaliknya buatkan mereka rasa bangga



[www.facebook.com
/GenY.HM](http://www.facebook.com/GenY.HM)



FATIN FARHANA JAPRE
ingatkan generasi muda supaya tidak lupa pentingnya menjaga keselamatan diri dan mematuhi undang-undang jalan raya ketika memandu kendaraan pada musim perayaan ini bagi mengelakkan berlakunya kemalangan.

Apabila tibanya musim perayaan, sering kali kita lihat atau dengar di dada akbar tentang sekatan jalan raya yang dilakukan oleh pihak berkuasa. Ini untuk membanteras golongan belia dalam kegiatan lumba haram, menunggang motosikal tanpa lesen yang sah dan sebagainya bagi mengurangkan kadar peratusan kemalangan di negara kita.

Meskipun pelbagai usaha dilakukan pihak berkuasa bagi menangan isu ini, masih lagi kita lihat di dada akbar berita penahanan mereka berikutan kes seperti ini. Gejala lumba ha-

ram adalah gejala yang kian meruncing di negara kita tidak kira sama ada di bandar atau kampung. Gejala ini boleh dikatakan berada di tahap serius di Malaysia kerana melibatkan golongan belia dalam kegiatan lumba haram,

Hari ini, kegiatan lumba haram bukan saja membabitkan penunggang motosikal bahkan pemandu kereta juga. Remaja yang terlibat dalam kegiatan ini

boleh dikategorikan bersikap mementingkan diri sendiri kerana tidak mempedulikan keselamatan mereka berani melanggar undang-undang jalan raya yang ditetapkan. Sudah menjadi kebiasaan remaja

masa kini, bangga dengan kegiatan tidak bermoral mereka lakukan berbanding membuat kebaikan yang memberi manfaat kepada semua orang.

Sebagai contoh, kes ke malangan maut membabitkan sepasang suami isteri serta seorang bayi mereka berusia enam bulan garagara enam kereta Perodua Myvi berlumba secara haram di Lebuhraya Duke pada Mei lalu. Sekelip mata ia menjadi viral di laman sosial kerana sikap mereka yang tidak bertanggungjawab menyebabkan nyawa yang tidak berdosa menjadi mangsa kegairahan mereka di jalan raya.

Banyak pihak yang mengambil inisiatif bagi mengurangkan gejala lumba haram dalam kalangan remaja sebagai contoh Malaysian Cub Prix yang memberi peluang kepada remaja berlumba secara bukan lumba haram. Pihak pengajur turut mengekan bayaran yang rendah dan memberi subsidi bagi menggalakkan remaja menyertainya.

Menurut Pakar Sosial Universiti Putra Malaysia merangkap Timbalan Naib Kaunselor Prof. Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran, golongan belia sangat suka

sebagai contoh 'pelesit kota' kepada mereka.

"Ini menyebabkan mereka tidak gentar beraksi dan insaf menjadikan jalan raya sebagai gelanggang mereka untuk berlumba. Dalam masa sama, hal ini membabitkan nyawa, oleh itu pihak berkuasa perlu ambil langkah agresif bagi melumpuhkan kegiatan lumba haram mereka bagi menjaga keselamatan nyawa pengguna jalan raya yang lain."

"Selain keluarga dan masyarakat, media juga boleh memainkan peranan lebih memberitahu akan impak kesalahan yang menyebabkan kemalangan di jalan raya terutamanya kepada penunggang motosikal. Pengguna jalan raya perlu ingat jika tidak patuhi peraturan bayangan jika satu hari kita 'tersungkur', kemungkinan akibatnya cacat anggota badan kekal dan kita ada keluarga yang perlu dijaga."

"Musim perayaan ini, ramai orang mahu pulang ke kampung halaman, jangan nanti disebabkan kita seorang yang terlalu seronok memandu melebihi had laju, pengguna jalan raya yang lain turut terkesan. Oleh itu, suka saya ingatkan golongan belia hati-hati memandu di jalan raya dan patuhi peraturan yang ditetapkan bagi mengelakkan kemalangan jalan raya," katanya.

Walaupun negara kita dikategorikan dalam kumpulan negara membangun, tetapi dalam sesetengah perkara seperti pembangunan fizikal kita berada di atas sesetengah negara maju. Namun, dalam pembangunan insaniah, kita agak ketinggalan. Sikap prihatin kita tidak menyeluruh dan hanya prihatin dalam lingkungan diri kita sendiri saja.



MOHAMMAD Shatar